NIBM
NATIONAL INSTITUTES OF BIOTECHNOLOGY MALAYSIA

National Institutes of Biotechnology Malaysia ("NIBM") merupakan sebuah Syarikat Berhad Menurut Jaminan ("Company Limited by Guarantee") yang telah ditubuhkan pada tahun 2012 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi ("MOSTI") untuk menerajui, menyelaras dan melaksanakan agenda National Biotechnology Policy ("NBP") melalui aktiviti penyelidikan, pembangunan, inovasi dan pengkomersilan ("RDIC"). NIBM terdiri daripada tiga institut - Institut Agro-Bioteknologi Malaysia (ABI) di Serdang, Selangor, Institut Farmaseutikal dan Nutraseutikal Malaysia (IPharm) di Gelugor, Pulau Pinang, dan Institut Genom Malaysia (MGI) di Bangi, Selangor. NIBM sedang membuka peluang dan mempelawa individu-individu yang berkelayakan, bertanggungjawab, mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang tinggi, berdaya saing, berfikiran dinamik serta berkebolehan untuk memacu aktiviti RDIC yang inovatif dan dinamik bagi menyumbang ke arah kecemerlangan NIBM untuk menyertai kami bagi jawatan-jawatan berikut:

| Bil. | Jawatan | Kelayakan |
|---|---|---|
| 1. | Ketua Pegawai Operasi<br><br>Tawaran Jawatan - Kontrak<br>Pakej gaji yang menarik | Mempunyai kebolehan berikut:<br>1. Memastikan NIBM beroperasi mengikut dasar yang ditubuhkan, melaksanakan penambahbaikan atau membangunkan dasar untuk dibentangkan kepada Lembaga Pemegang Amanah.<br>2. Memastikan NIBM beroperasi mengikut bajet dan pelan operasi yang diluluskan mengikut perkembangan isu-isu yang signifikan yang mungkin memberi kesan kepada NIBM.<br>3. Mengetuai penyediaan laporan prestasi strategik, operasi dan analisis.<br>4. Mewujudkan dan mengekalkan persekitaran organisasi yang positif untuk meningkatkan prestasi dan semangat kakitangan.<br><br>Kelayakan dan pengalaman:<br>1. Warganegara Malaysia;<br>2. Mempunyai sekurangnya-kurangnya Ijazah Sarjana; dan<br>3. Mempunyai pengalaman secara langsung dan berterusan dalam pengurusan Operasi. |
| 2. | Ketua Pegawai Inovasi<br><br>Tawaran Jawatan – Kontrak<br>Pakej gaji yang menarik | Mempunyai kebolehan berikut:<br>1. Mengenal pasti platform produk dan teknologi yang dibangunkan dari kompenan institut untuk pelesenan atau pengkomersilan.<br>2. Melaksana dan mengurus aktiviti pemindahan teknologi.<br>3. Mewujudkan persekitaran yang menggalakkan inovasi di seluruh syarikat.<br>4. Membentuk perkongsian dan mengukuhkan hubungan dengan rakan-rakan komuniti dan industri.<br><br>Kelayakan dan pengalaman:<br>1. Warganegara Malaysia;<br>2. Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana; dan<br>3. Mempunyai pengalaman dalam pengkomersilan dan penghasilan produk. |

| | | |
|---|---|---|
| 3. | Ketua Program (Pusat Bioteknologi Haiwan)<br>Institut Agro-Bioteknologi Malaysia (ABI), Serdang<br><br>Tawaran Jawatan - Kontrak<br>Pakej gaji yang menarik<br>Elaun Kereta & Petrol juga diberikan | Mempunyai kebolehan berikut:<br>1. Menjana penyelidikan baru selaras dengan dasar dan fungsi institut yang telah ditetapkan;<br>2. Mengurus permohonan geran penyelidikan;<br>3. Menyelia kakitangan dan pelajar;<br>4. Menjalankan penyelidikan yang bertahap maju dan cemerlang di peringkat antarabangsa; dan<br>5. Menginovasi hasil penyelidikan bioteknologi untuk dikomersilkan.<br><br>Kelayakan dan pengalaman:<br>1. Warganegara Malaysia;<br>2. Mempunyai Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang haiwan/veterinar/perikanan atau yang berkaitan dengan bidang bioteknologi haiwan; dan<br>3. Mempunyai pengalaman secara langsung dan berterusan dalam bidang penyelidikan selama sekurang-kurangnya 10 tahun. |
| 4. | Ketua Program (Pusat Bioteknologi Makanan, Biofungsian & Bioproses)<br>(Jawatan Kontrak)<br>(Institut Agro-Bioteknologi Malaysia (ABI), Serdang) | Mempunyai kebolehan berikut:<br>1. Menjana penyelidikan baru selaras dengan dasar dan fungsi institut yang telah ditetapkan;<br>2. Mengurus permohonan geran penyelidikan;<br>3. Menyelia kakitangan dan pelajar;<br>4. Menjalankan penyelidikan yang bertahap maju dan cemerlang diperingkat antarabangsa; dan<br>5. Menginovasi hasil penyelidikan bioteknologi untuk dikomersilkan;<br><br>Kelayakan dan pengalaman:<br>1. Warganegara Malaysia;<br>2. Mempunyai Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Makanan/Biokimia/Bioteknologi/Nutrisi atau yang berkaitan dengan bidang Bioteknologi Makanan, Biofungsian dan Bioproses; dan<br>3. Mempunyai pengalaman secara langsung dan berterusan dalam bidang penyelidikan selama sekurang-kurangnya 10 tahun. |
| 5. | Penolong Pentadbir Pentadbiran, Institut Farmaseutikal & Nutraseutikal Malaysia (IPHARM), Pulau Pinang<br><br>Tawaran Jawatan – Tetap<br>(Gred-15)<br>Pakej gaji yang menarik | Mempunyai kebolehan berikut:<br>1. Merekod dan menyimpan surat/memo/laporan yang diterima atau dikeluarkan dalam data rekod fail;<br>2. Mengurus tempahan tiket kapal terbang bagi kakitangan yang menghadiri menyuarat/kursus/pameran/seminar dan bangkel;<br>3. Mengurus tempahan penginapan bagi kakitangan yang menghadiri kursus/pameran/seminar dan bengkel; dan<br>4. Mencatit dan menyediakan minit mesyuarat;<br><br>Kelayakan dan pengalaman:<br>1. Warganegara Malaysia;<br>2. Mempunyai sijil atau Diploma dalam bidang pengurusan, atau yang berkaitan dan diiktiraf oleh kerajaan Malaysia daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setakaf dengannya;dan<br>3. Memiliki sekurangnya-kurangnya satu (1) tahun pengalaman dalam bidang bidang perkeranian/operasi. |

Calon-calon yang memenuhi keperluan dan syarat-syarat kelayakan yang tertera di atas dijemput menghantar *resume* yang lengkap dengan menyertakan butir-butir peribadi, kelayakan serta pengalaman, nombor telefon untuk dihubungi, salinan sijil-sijil berkaitan serta sekeping gambar berukuran passport (tidak dikembalikan) kepada:

**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA,**
**NATIONAL INSTITUTES OF BIOTECHNOLOGY MALAYSIA,**
Pejabat Pengurusan Korporat, Aras 2,
Kompleks Agro-Biotechnology Institute (ABI),
d/a Ibupejabat MARDI, 43400 Serdang, Selangor.
Tel : 03-8949 5687 Emel :recruitment@nibm.my

Hanya calon-calon yang disenarai pendek sahaja akan dihubungi. Tarikh tutup permohonan **: 12 Oktober 2016**